

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PENILAIAN AKHIR AMALI
SESI II : 2023 / 2024**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 10183
PEMBANGUNAN PERNIAGAAN**

MASA: SATU (1) JAM

SOALAN TERBUKA

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** soalan.
2. Penilaian rubrik disertakan.
3. Jawab semua soalan.
4. Tarikh edaran soalan bermula **Minggu 13** dan pelaksanaan amali perlu dilaksanakan pada **Minggu 14**.

Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan

SIMULASI*[100 markah]***ARAHAN SOALAN:**

1. Pelajar dikehendaki membentuk sebuah kumpulan yang terdiri daripada 3 atau 4 orang ahli untuk menjalankan satu aktiviti simulasi perniagaan secara bersemuka sebanyak **1 kali**. Aktiviti perniagaan yang dilaksanakan mestilah berdasarkan **Business Model Canvas** yang telah dihasilkan.
2. Sepanjang aktiviti perniagaan dijalankan, anda dikehendaki merekodkan aktiviti jualan samada melalui rakaman video, foto dan sebagainya sebagai bukti pelaksanaan.
3. Setiap kumpulan dikehendaki melaksanakan :
 - a) Persediaan aktiviti perniagaan yang merangkumi :
 - Susun atur lokasi perniagaan
 - Persediaan peralatan/bahan niaga
 - Pelbagai aktiviti promosi
 - b) Simulasi perniagaan
 - Keselarian aktiviti perniagaan dengan Business Model Canvas yang dihasilkan.
 - Prestasi jumlah jualan semasa simulasi.
 - Aktiviti perniagaan secara bersemuka (persiapan sebelum, semasa dan selepas).
4. Pelajar perlu menyediakan laporan simulasi perniagaan dan perlu dihantar pada **tarikh pentaksiran akhir yang telah ditetapkan oleh unit peperiksaan**. Pelajar perlu menggunakan format penulisan laporan yang dibangunkan oleh pensyarah kursus.

5. Pensyarah akan membuat penilaian berdasarkan kriteria rubrik pentaksiran yang telah ditetapkan.

Kriteria	Sub Kriteria / Aspek	Pemberat Kriteria (%)
1. Kemahiran Kepimpinan (60%)	Keberkesanan kepimpinan	20%
	Tanggungjawab kerja	20%
	Pengurusan Kerja Kumpulan	20%
2. Persediaan aktiviti perniagaan (15%)	Susun atur lokasi perniagaan	5%
	Persediaan peralatan/bahan niaga	5%
	Aktiviti Promosi	5%
3. Simulasi perniagaan (25%)	Keselarian aktiviti perniagaan dengan BMC yang dihasilkan	5%
	Prestasi jumlah jualan semasa simulasi	5%
	Aktiviti Perniagaan secara bersemuka	15%

(CLO 3)

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab